



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**

www.ijepc.com



**PENGARUH BAHASA INGGERIS DALAM KALANGAN MURID:
FAKTOR, IMPLIKASI NEGATIF DAN PERANAN PIHKAK
BERTANGGUNGJAWAB**

*THE INFLUENCE OF ENGLISH AMONG STUDENTS: FACTORS, NEGATIVE
IMPLICATIONS, AND THE ROLE OF RESPONSIBLE PARTIES*

Nurul Sapika Ramli^{1*}, Zamri Mahamod²

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: p139908@siswa.ukm.edu.my

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: d-zam@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 24.06.2025

Revised date: 21.07.2025

Accepted date: 15.08.2025

Published date: 01.09.2025

To cite this document:

Ramli, N. S., & Mahamod, Z. (2025). Pengaruh Bahasa Inggeris Dalam Kalangan Murid: Faktor, Implikasi Negatif Dan Peranan Pihak Bertanggungjawab. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (59), 387-396.

DOI: 10.35631/IJEPC.1059027

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstract:

Kajian ini dijalankan bagi melihat faktor, implikasi dan peranan pihak bertanggungjawab dalam menangani isu pengaruh bahasa Inggeris terhadap penguasaan bahasa Melayu murid. Setiap negara memiliki bahasa rasmi dan kebangsaanya yang tersendiri. Pemilihan dan penetapan bagi sesuatu bahasa rasmi dan kebangsaan negara biasanya bergantung kepada majoriti sesebuah kaum atau bangsa yang mendominasi negara yang diduduki. Sebagai contoh, negara Malaysia berlatar belakangkan negara yang penduduknya terdiri daripada pelbagai lapis masyarakat yang berbeza dari segi kaum, bangsa dan agama. Disebabkan masyarakat di Malaysia majoritinya berbangsa Melayu. Oleh itu, bahasa Melayu telah diangkat sebagai bahasa rasmi dan kebangsaan negara Malaysia. Pewartaan ini telah melahirkan satu akta atau undang-undang yang dijadikan sebagai panduan dan terpakai kepada semua perkara yang melibatkan urusan negara iaitu Perkara 152, Perlembagaan Malaysia yang memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara Malaysia. Selain itu, seseorang individu tidak boleh dilarang atau dihalang untuk mengajar atau belajar bahasa lain (selain bagi maksud rasmi) dan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri tidak boleh dijejaskan haknya untuk memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajaran bahasa mana-mana kaum lain di dalam Persekutuan. Walaupun perlembagaan ini telah menyatakan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan kebangsaan negara dan membolehkan seseorang individu untuk mempelajari selain daripada bahasa Melayu bagi urusan tidak rasmi, namun terdapat segelintir rakyat yang menyalah tafsir maksud perlembagaan tersebut dengan

mengaplikasikan bahasa pertama atau kedua mereka (Bahasa Inggeris) dalam setiap urusan sehingga mereka ternormalisasi dengan bahasa tersebut. Oleh itu, kajian ini mencadangkan beberapa langkah untuk mengatasi isu ini dari berlaku dengan pendekatan yang perlu diambil oleh guru, ibu bapa dan kerajaan. Dapatkan kajian ini dijangka dapat mengelakkan murid daripada terpengaruh dengan bahasa Inggeris sekaligus membantu murid dalam menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik.

Kata Kunci:

Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Penguasaan Murid, Perkara 152, Peranan Pihak Berkepentingan

Abstract:

This study is conducted to examine the factors, implications, and roles of responsible parties in addressing the issue of the influence of the English language on students' mastery of the Malay language. Every country has its own official and national language. The selection and designation of an official or national language usually depend on the majority ethnic group that dominates the country's population. For instance, Malaysia is a country with a diverse population consisting of various ethnicities, races, and religions. Since the majority of Malaysia's population is Malay, the Malay language has been designated as the official and national language of Malaysia. This designation led to the enactment of an act or law that serves as a guideline and is applicable to all matters involving national affairs, namely Article 152 of the Malaysian Constitution, which provides that the Malay language is the national language of Malaysia. Furthermore, no individual shall be prohibited or prevented from teaching or learning any other language (apart from official purposes), and neither the Federal Government nor any State Government shall be restricted from preserving and continuing the use and study of any other language used by other communities in the Federation. Although the Constitution outlines the role of the Malay language as the national and official language, and allows individuals to learn other languages for non-official purposes, there are segments of the population who misinterpret the provision by using their first or second language (English) for all purposes, becoming normalized to the use of that language. Therefore, this study proposes several measures to address this issue through approaches that should be taken by teachers, parents, and the government. The findings of this study are expected to help prevent students from being overly influenced by the English language and, in turn, support them in mastering the Malay language more effectively.

Keywords:

Malay Language, English Language, Student's Proficiency, Article 152, Role Of Stakeholders

Pengenalan

Bahasa Melayu telah pun diangkat sebagai bahasa rasmi dan kebangsaan negara. Perakuan ini telah dinyatakan dan ditegaskan melalui Perkara 152, Perlembagaan Malaysia. Walaupun, bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa rasmi dan kebangsaan negara, namun seseorang individu dibolehkan untuk mempelajari bahasa lain selain daripada bahasa Melayu untuk tujuan tidak rasmi. Kepelbagai masyarakat di Malaysia yang terdiri daripada kaum, bangsa, etnik dan agama yang berbeza seperti bangsa Melayu, Cina dan India telah melahirkan bahasa

ibunda yang berbeza. Keadaan ini menyebabkan seseorang individu menjadikan bahasa ibunda mereka sebagai bahasa utama yang digunakan dalam pertuturan sehari-hari. Pernyataan ini disokong oleh Noor Zila Md. Yusuf et al. (2018), yang menyatakan bahawa walaupun penggunaan bahasa Melayu sangat meluas, namun terdapat sebahagian murid-murid yang masih dipengaruhi oleh bahasa ibunda mereka terutamanya bagi masyarakat bukan Melayu.

Keadaan ini menampakkan penggunaan bahasa ibunda adalah maksimum dalam kalangan masyarakat bukan Melayu tidak terkecuali terdapat segelintir masyarakat Melayu yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama mereka. Tambahan pula, bahasa Inggeris telah diiktiraf sebagai bahasa antarabangsa (Berprestij) dan bahasa pendidikan menyebabkan segelintir ibu bapa dan murid berpandangan bahawa bahasa Inggeris ini merupakan bahasa yang penting untuk dikuasai berbanding bahasa Melayu kerana terdapat banyak manfaat sekiranya seseorang individu itu dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Antaranya, skop pekerjaan menjadi lebih luas, membolehkan seseorang menerokai ilmu-ilmu baharu dan mampu bersaing sehingga ke peringkat antarabangsa. Seiring dengan pernyataan yang diberikan oleh (Harahap, 2020), yang menyokong salah satu pernyataan diatas yang mengatakan bahawa kebolehan seseorang bertutur dalam bahasa inggeris menjadi nilai tambah yang positif yang diperlukan dalam dunia pekerjaan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa bahasa Inggeris mendapat permintaan yang tinggi dalam dunia pekerjaan. Secara tidak langsung seseorang yang mempunyai kemahiran bertutur dalam bahasa Inggeris mempunyai nilai pasaran kerja yang lebih luas.

Isu penggunaan bahasa dalam kalangan rakyat terus berlaku sehingga kini yang menyebabkan penggunaan bahasa Melayu itu semakin terhakis. Terdapat banyak kajian lepas yang menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu semakin merosot tidak terkecuali pelajar Melayu itu sendiri (Periasamy, 2022). Kewujudan dan penggunaan bahasa yang pelbagai telah memberikan kesan negatif bukan sahaja kepada penguasaan bahasa Melayu seseorang tetapi juga terhadap fungsinya. Jika isu ini terus berlarutan akan menyebabkan bahasa Melayu akan beralih daripada bahasa utama kepada bahasa kecil disebabkan fungsi bahasa Melayu telah diambil oleh bahasa lain (Teo Kok Seong dalam Berita Harian, 2024).

Objektif Kertas Konsep

kertas konsep yang bertajuk “**Pengaruh Bahasa Inggeris dalam Kalangan Murid: Faktor, Implikasi Negatif dan Peranan Pihak Bertanggungjawab**” ini dibentangkan bagi melihat faktor berlakunya pengaruh bahasa ibunda, implikasi negatif pengaruh bahasa ibunda kepada guru, murid dan perpaduan negara dan peranan pihak bertanggungjawab meliputi guru, ibu bapa dan kerajaan dalam menangani isu ini dari terus berlarutan.

Definisi Pengaruh Bahasa Ibunda

Pengaruh didefinisikan sebagai kuasa yang datang daripada seseorang individu dan kuasa tersebut mempengaruhi tindakan individu lain (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016). Manakala menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Kedua, (1997:747), mendefinisikan pengaruh sebagai tarikan daripada (orang atau benda) yang membentuk watak kepercayaan dan perbuatan seseorang. Ini bermakna, sesuatu perbuatan atau tindakan yang dilakukan oleh seseorang individu berpunca atau dipengaruhi oleh individu lain yang akhirnya mendatangkan kesan positif atau negatif kepada individu tersebut. Manakala definisi bagi bahasa ibunda menurut (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2004), ialah merupakan bahasa yang digunakan oleh

seseorang individu sejak kecil. Bahasa ibunda kebiasannya menjadi bahasa pertuturan sehari-hari antara keluarga dan rakan.

Secara kesimpulannya, pengaruh bahasa ibunda dapat didefinisikan sebagai bahasa yang dipelajari oleh seseorang daripada ibu bapa atau orang yang mengasuh dari kecil dan bahasa tersebut digunakan dalam komunikasi sehari-hari (Haiza Bukari dan Norazana Awang Kechik, 2022).

Kajian Berkaitan

Terdapat beberapa kajian lepas berkaitan “*Pengaruh Bahasa Inggeris dalam Kalangan Murid: Faktor, Implikasi Negatif dan Peranan Pihak Bertanggungjawab*”. Salah satu kajian tersebut telah dijalankan oleh Nurmaizatul Hazirah Mustaffa, (2022), yang bertajuk “*Cabarani Bahasa Melayu dalam Era Globalisasi*” yang melihat kepada faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa Melayu di era globalisasi. Antara faktor tersebut ialah kurangnya penguasaan bahasa Melayu, masalah bahasa rojak, dasar pendidikan dan penggunaan bahasa Melayu yang salah.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Nor Ashikin Hedzir, Heritos Muling & Siti Aishah Sembai Aban Abdullah, (2022), yang bertajuk “*Minat dan Persepsi Murid Melayu daripada Keluarga Sosioekonomi Tinggi di Sebuah Sekolah Antarabangsa terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu*”. Kajian ini melihat kepada minat dan kesan pengaruh ibu bapa T20 terhadap pembelajaran murid dalam subjek bahasa Melayu di sekolah antarabangsa daripada perspektif murid T20. Hasil dapatan menunjukkan bahawa murid-murid T20 tidak berminat untuk mempelajari subjek bahasa Melayu dan keadaan ibu bapa yang ketiadaan masa, sibuk bekerja, tidak bertutur dalam bahasa Melayu dan sebaliknya menggunakan bahasa Inggeris di rumah memberikan kesan terhadap penguasaan bahasa Melayu murid.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Saidatul Nornis Hj. Mahali, (2021), dengan tajuk “*Kerancuan Bahasa dalam Karangan Murid Sekolah Menengah di Daerah Tuaran, Sabah*”. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji kepekaan murid sekolah menengah luar bandar di daerah Tuaran, Sabah menggunakan bahasa Melayu standard dalam kalangan mereka. Hasil dapatan menunjukkan terdapat kelemahan murid menggunakan bahasa Melayu standard dalam komunikasi bertulis untuk menyampaikan sesuatu mesej. Ini kerana, adanya pencampuran bahasa Inggeris, bahasa dalaman dan pencampuran kedua-dua bahasa yang menggabungkan antara pencampuran bahasa Inggeris dan bahasa dalaman.

Akhir sekali, dalam UTHM, portal akhbar, (2024), dengan tajuk “*Kesenjangan Guna Bahasa Melayu Cabaran Baharu Martabat Bahasa Kebangsaan*”, dalam keratan akhbar ini membincangkan tentang faktor-faktor yang menyumbang kepada penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar antaranya ialah kekurangan istilah teknikal dalam bahasa Melayu dan ketidakseimbangan bahasa dasar di Pendidikan Tinggi yang menyebabkan penggunaan bahasa Inggeris semakin mendapat tempat dalam kalangan pelajar.

Faktor Berlaku Pengaruh Bahasa Ibunda

Punca penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan murid dipengaruhi oleh pelbagai aspek yang meliputi ibu bapa, pengaruh persekitaran dan faktor ekonomi. Faktor-faktor ini secara tidak langsung menjadi cabaran kepada murid dalam menguasai bahasa Melayu.

Faktor Ibu Bapa

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, (2004) Bahasa ibunda merupakan bahasa yang digunakan sejak kecil. Ini bermaksud bahasa ibunda merupakan bahasa pertama yang dikuasai oleh individu sejak mereka lahir, ia dipelajari dan diperolehi daripada ibu bapa. Bahasa ibunda ini menjadi bahasa utama komunikasi harian murid dengan orang sekelilingnya, baik keluarga, jiran, rakan dan guru. Pengaruh bahasa ibunda yang begitu kuat dan sebatی dalam diri murid telah menjadi cabaran terutama kepada murid bukan penutur natif untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik. Pernyataan ini turut disokong oleh Khairul Nizam, (2017), yang menyatakan bahawa Murid Bukan Melayu di Malaysia telah didedahkan dengan bahasa ibunda sejak lahir lagi. Keadaan ini juga menjadi cabaran kepada guru. Dalam PdP Bahasa Melayu terutama di SJK, guru-guru berdepan dengan cabaran murid-murid bukan penutur natif dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (Low Jie Ying et al., 2024). Dapat dilihat bahawa bukan sahaja murid malahan guru juga berdepan dengan cabaran dalam membantu murid memperkembangkan dan menguasai bahasa Melayu mereka.

Faktor Pengaruh Persekutaran

Sikap murid penutur bukan natif yang suka bergaul dengan kaum sendiri dan enggan berbahasa Melayu juga menjadi penyumbang kepada penguasaan bahasa Melayu yang lemah (Low Jie Ying, 2024). Situasi ini turut berlaku kepada murid penutur natif yang berbeza dialek dan etnik. Perbualan yang berlaku hanya dalam sesuatu kelompok kaum, dialek dan etnik yang sama menyebabkan murid kerap menggunakan bahasa ibunda sesama mereka. Keadaan ini menyebabkan murid tidak terdedah dengan kosa kata bahasa Melayu sekaligus menyukarkan murid-murid untuk menguasai bahasa Melayu apabila kurang melibatkan penutur natif dalam perbualan mereka. Selari dengan pernyataan yang diberikan oleh Mohd Saiful dan Nor Azwahanum, (2021), yang menyatakan bahawa penggunaan bahasa ibunda atau dialek yang tidak ditangani dengan berkesan akan menjaskan penguasaan murid terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Faktor Sekolah

Menurut Dayang Sufikawani dan Wan Muna Ruzanna, (2017), menyatakan bahawa penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dalam PdP bahasa Melayu di SJK menjadi isu perbualan dalam pendidikan di negara. Sekolah-sekolah SJK, pada hari ini menggunakan bahasa ibunda dalam PdP bahasa Melayu bagi memudahkan mereka untuk memahami kosa kata yang diujarkan. Namun hakikatnya, ia memberikan kesan negatif terhadap pembelajaran dan penguasaan murid terhadap bahasa Melayu tambahan tanpa adanya sokongan atau bantuan alat pengajaran lain sememangnya tidak membantu murid dalam mempelajari dan menguasai bahasa Melayu dengan baik. Situasi ini tidak hanya berlaku di SJK tetapi juga sekolah kebangsaan, apabila terdapat segelintir murid-murid menggunakan dialek mereka ketika berkomunikasi dengan guru dan rakan di dalam kelas. Keadaan ini secara tidak langsung telah memberikan kesan negatif terhadap penguasaan lisan atau pertuturan bahasa Melayu murid di sekolah (Nur Eliana dan Nur Farakhanna, 2024).

Implikasi Negatif

Setiap sesuatu perkara yang berlaku pasti mempunyai implikasi, sama ada implikasi berbentuk positif maupun negatif. Begitu juga dengan isu pengaplikasian bahasa Inggeris yang semakin berleluasa dalam semua sektor salah satunya sektor pendidikan. Isu yang wujud ini telah mendatangkan implikasi negatif terhadap guru, pelajar dan perpaduan.

Implikasi kepada Guru

Kebiasaan guru yang gemar mencampuradukkan bahasa menyebabkan berlakunya pencampuran kod bahasa (Duli Kamit dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2022). Percampuran dua bahasa atau lebih menunjukkan pemikiran yang celaru dan bahasanya tidak bersistematik atau tidak tersusun (Atika Hassan, Dulit Kamit & Evelyn Bangkang Jawi, 2021). Penggunaan bahasa yang tidak tetap dan bersistematik ini telah menyebabkan murid-murid berasa keliru dan tidak dapat menentukan satu bahasa komunikasi yang boleh diaplikasikan dalam pertuturan sehari-hari. Seperti kita sedia maklum guru merupakan pendidik dan pembimbing yang memainkan peranan penting dalam membantu murid-murid memperkembangkan kemahiran berbahasa mereka. Selari dengan pernyataan yang diberikan oleh Atika Hassan, Dulit Kamit & Evelyn Bangkang Jawi, (2021), yang mengatakan bahawa guru yang memiliki kebolehan berbahasa mampu memberikan didikan yang betul dalam pengajaran bahasa dalam bilik darjah. Namun, jika guru acap kali mencampuradukkan bahasa mereka dalam proses PdP ini akan menyebabkan murid-murid terdedah dan ternormalisasi dengan bahasa rojak tersebut. Pengaplikasian bahasa rojak ini bukan sahaja menyebabkan kemahiran berbahasa murid tidak dapat dikembangkan dan dipertingkatkan, malahan menyebabkan murid gagal membentuk ayat yang betul dan tepat apabila mereka berkomunikasi disebabkan penggunaan struktur ayat yang tidak betul sekaligus menjelaskan pembelajaran mereka bagi subjek bahasa Melayu seperti dalam penulisan karangan.

Implikasi kepada Murid Generasi Baru

Seperti kita sedia maklum, kewujudan AI pada zaman kini telah melahirkan platform-platform media sosial seperti Instagram, Twitter, Tiktok dan sebagainya. Kewujudan platform inilah yang telah mengganggugat perkembangan berbahasa murid. Aplikasi media sosial menjadi penyebab utama terhadap isu penggunaan bahasa Melayu yang menyalahi sistem dan struktur nahu yang tepat (Nurkhairunnisha Amani Mohd Faizal, Nurul Emelda Abdullah Safarizal & Nur Farahkhanna Mohd Rusli, 2022). Hal ini demikian kerana, keterdedahan murid dengan bahasa-bahasa rancu seperti bahasa rojak yang menggabungkan dua kod bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang semakin tinggi. Penggunaan bahasa rojak ini telah menjadi trend semasa dalam kalangan pengguna media sosial apabila keadaan ini acap kali dilihat dalam ciapan-ciapan yang dimuat naik oleh pengguna media sosial. Keadaan ini telah menarik minat murid untuk melakukan perkara yang sama dengan menggunakan bahasa rojak dalam setiap ciapan mereka bagi menampakkan mereka keterdepan dalam mengikuti trend semasa. Terdapat segelintir murid beranggapan dengan menggunakan bahasa rojak ini mereka akan dilihat gah kerana pengaplikasian bahasa Inggeris (bahasa antarabangsa) dalam pertuturan secara lisan mahupun tidak telah menampakkan kelas atau standard mereka yang tinggi disebabkan kebolehan mereka berbahasa Inggeris walaupun pengaplikasikannya tidak secara menyeluruh. Selari dengan pernyataan yang diberikan oleh Anne dan Saidatul Nornis, (2020), yang mengatakan bahawa bahasa Inggeris dianggap sebagai bahasa yang memperlihatkan kemajuan seseorang berikutnya bahasa tersebut merupakan bahasa perantaraan global.

Implikasi kepada Perpaduan

Pada peringkat pendidikan tinggi contohnya, di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) pengaplikasian bahasa Inggeris sangat dominon dalam kalangan pelajar. Pernyataan ini turut disokong oleh Roslizawati Taib dan Venosha Ravana, (2023) yang mengatakan bahawa kebanyakan institusi pengajian tinggi swasta tidak membuka ruang yang luas dan kondusif dari segi pergaulan yang membolehkan pelajar-pelajar berkomunikasi dalam bahasa Melayu secara berterusan. Hal ini disebabkan oleh pihak IPTS telah meletakkan satu garis panduan yang

mewajibkan pengaplikasian bahasa Inggeris dalam sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Penggunaan bahasa Melayu diterapkan di IPTA manakala bahasa Inggeris diterapkan di IPTS yang menjadi bahasa pengantar tunggal (Hamdan Azmi Abd. Aziz dan Noor Rohana Mansor, 2013). Berikutan IPTS menawarkan kursus-kursus IPT dari luar negara. Secara tidak langsung pelajar-pelajar ini telah didedahkan dan ternormalisasi dengan pengaplikasian bahasa Inggeris ini sepanjang sesi PdP berlangsung. Bahkan terdapat segelitir pelajar tetap mengaplikasikan bahasa Inggeris di luar kelas apabila mereka berkomunikasi sesama rakan-rakan sekelas yang turut ternormalisasi dengan bahasa tersebut. Kesannya, perpaduan sukar untuk dibentuk dalam kalangan pelajar kerana, seperti kita sedia maklum bagi membentuk perpaduan dalam kalangan rakyat perlu adanya satu bahasa perpaduan yang bermaksud setiap rakyat hendaklah berpandukan atau berpaksikan kepada satu bahasa yang sama agar isu perkauman atau polarisasi (Bergaul dalam kelompok yang sama) itu tidak berlaku. Selari dengan pernyataan yang diberikan oleh (Noor Azmira Mohamed dan Azilili Hassan, 2019), yang mengatakan bahawa dalam membentuk perpaduan antara kaum pihak kerajaan telah mewujudkan satu bahasa yang dapat difahami oleh oleh semua lapisan masyarakat. Oleh itu, pentingnya bahasa Melayu yang juga merupakan bahasa kebangsaan dalam menyatupadukan rakyat di Malaysia.

Peranan Pihak Bertanggungjawab

Setiap pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam membendung isu berkaitan penggunaan bahasa Inggeris yang semakin berleluasa dalam kalangan rakyat yang berlaku disebabkan oleh beberapa faktor antaranya ialah ibu bapa, persekitaran dan sekolah.

Peranan Guru

Guru hendaklah mengaplikasikan bahasa Melayu sepenuhnya dalam sesi PdP agar tidak berlakunya kekeliruan bahasa dalam kalangan murid. Jika guru mengaplikasikan bahasa Melayu secara konsisten dalam PdP membolehkan murid memperkembangkan dan mempertingkatkan kemahiran berbahasa mereka. Hal ini demikian kerana, seseorang individu itu mampu menguasai sesuatu pembelajaran atau kemahiran melalui perbuatan (Mengaplikasikan). Situasi yang sama dapat dilihat apabila murid telah didedahkan dengan pengaplikasian bahasa Melayu membolehkan murid bertutur dalam bahasa Melayu sepenuhnya tanpa mencampuradukkan bahasa tersebut dengan bahasa lain. Melalui kaedah ini murid dapat menentukan satu bahasa komunikasi yang betul. Selain itu, guru, terutamanya guru bahasa Melayu perlu memvariasikan kaedah pengajaran mereka dengan menyediakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dan aktiviti yang menyeronokkan bagi menarik minat dan penglibatan murid terutamanya murid yang mempunyai masalah bertutur dalam bahasa Melayu. Penggunaan BBM yang berkesan dapat menarik minat dan meningkatkan prestasi pembelajaran murid (Norhazira Abdul Rahim, Sahril Agus & Nor AijratulAsikin, 2021) Apabila murid mempunyai minat melibatkan diri dalam proses PdP ini akan meningkatkan motivasi mereka untuk giat belajar bagi tujuan menguasai bahasa Melayu.

Peranan Ibu Bapa

Pencapaian akademik murid juga didorong oleh penglibatan ibu bapa, apabila mereka sanggup menyediakan kelengkapan persekolahan untuk anak-anak mereka (Mairin et al., 2020). Bentuk-bentuk kelengkapan tersebut boleh berupa penyediaan bahan bantu belajar yang mencukupi kepada anak-anak seperti bahan bacaan, buku latihan dan menghantar anak ke kelas tambahan jika perlu bagi memudahkan pembelajaran bahasa mereka. Selain itu, ibu bapa juga perlu kerap berkomunikasi dengan anak-anak menggunakan bahasa Melayu bagi tujuan melatih mereka untuk berkomunikasi sepenuhnya dengan menggunakan bahasa tersebut. Di

samping itu, membantu memperkembangkan dan mempertingkatkan kemahiran berbahasa anak-anak melalui sokongan ibu bapa. Menurut (Christenson et al., 1992) dalam kajiannya menyatakan bahawa pencapaian akademik seseorang murid berkait rapat dengan penglibatan ibu bapa di rumah mahupun di sekolah. Ini bermaka, penguasaan murid dalam sesuatu pembelajaran dipengaruhi oleh campur tangan ibu bapa. Jika ibu bapa melibatkan diri dalam proses pembelajaran murid seperti membantu murid dengan membimbing mereka melakukan sesuatu tugas membolehkan murid menguasai sesuatu pembelajaran tersebut dengan baik dan sebaliknya. Akhir sekali, ibu bapa perlu menolak persepsi negatif mereka terhadap kebolehan bahasa Melayu sebagai bahasa pendidikan dan menganggap bahasa Inggeris sebagai pendidikan yang lebih penting untuk dikuasai kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa dunia. (Menurut Tengku Nor Adila, 2017), beliau mendapati bahawa faktor keluarga akan mempengaruhi sikap murid untuk mempelajari mata pelajaran bahasa Melayu. Persepsi negatif ibu bapa terhadap mata pelajaran bahasa Melayu akan mempengaruhi sikap dan minat murid untuk mempelajarinya. Oleh itu, pentingnya sokongan dan dorongan daripada ibu bapa dalam memberi motivasi terhadap murid agar mereka dapat mempelajari dan menguasai mata pelajaran bahasa Melayu dengan baik.

Peranan Kerajaan

Pada peringkat kerajaan, pelbagai langkah dapat di ambil bagi membendung isu penggunaan bahasa rancu iaitu bahasa rojak yang telah berlaku secara berleluasa di media sosial, papan iklan, berita dan sebagainya. Antara langkah tersebut pihak perancang bahasa iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan kerjasama pihak bertanggungjawab perlu mengadakan satu undang-undang atau akta yang memberikan hukuman berat kepada individu yang gagal mengikuti kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak DBP dalam mengaplikasikan penggunaan bahasa Melayu yang betul mengikut kepada sistem bahasa. Sebagai contoh, pengasas sebuah syarikat yang ingin mengiklankan produk mereka melalui papan iklan yang akan diletakkan di tepi lebuhraya perlu memastikan setiap ayat yang ditulis papan iklan tersebut bukanlah menggunakan bahasa rancu iaitu bahasa rojak, singkatan, slanga dan sebagainya yang dapat mencemarkan bahasa Melayu. Selain itu, pengasas syarikat tersebut perlu mendapatkan kelulusan dari pihak DBP dengan memberikan contoh papan iklan yang akan diletakkan pada kawasan-kawasan tertentu bagi membolehkan pihak DBP melakukan penilaian terhadap bahasa yang digunakan dalam papan iklan tersebut. Sekiranya terdapat mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab telah meletakkan papan iklan yang tidak memenuhi spesifikasi DBP boleh dikenakan hukuman yang berat seperti denda bagi satu papan tanda ialah sebanyak 100 ribu Ringgit Malaysia. Tujuan hukuman ini diberikan kepada pesalah yang terlibat adalah untuk memberikan peringatan yang tegas agar bahasa Melayu ini dapat dijaga dan tidak tercemar. Undang-undang ini boleh terpakai kepada semua sektor termasuk sektor hiburan (Pengguna media sosial) yang memuat naik ciapan menggunakan bahasa rancu. Berikutnya media sosial seperti Facebook menjadi punca utama pencemaran bahasa wujud dan rosak, seperti bahasa rojak (Nor Aida et al, 2014).

Kesimpulan

Kesimpulannya, tidak dapat dinafikan kebolehan bertutur dan penguasaan terhadap bahasa Inggeris menjadi satu keperluan pada zaman kini. Memandangkan bahasa Inggeris telah menjadi bahasa antarabangsa (bahasa komunikasi yang menghubungkan orang asing dan orang tempatan) bagi tujuan tertentu dan terpakai dalam semua sektor seperti sektor pendidikan, pelancongan, perniagaan, pertanian, perubatan, industri dan sebagainya. Oleh itu, setiap individu berusaha untuk menguasai bahasa Inggeris disebabkan terdapat banyak kelebihan

dalam menguasai bahasa tersebut antaranya dapat meneroka ilmu-ilmu baharu, skop pekerjaan menjadi luas dan mampu bersaing sehingga ke peringkat antarabangsa. Namun, tidak boleh diketepikan dan dilupakan peranan serta kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan kebangsaan negara. Bukan itu sahaja, bahasa Melayu juga merupakan bahasa pengantar dalam pendidikan di Malaysia bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah kebangsaan. Jika bahasa Melayu ini tidak dijaga martabatnya maka peranan dan kedudukannya akan terhakis. Sekaligus, menyebabkan identiti negara hilang. Perlu kita ketahui bahasa menjadi lambang perpaduan rakyat dari pelbagai latar belakang yang berbeza. Seperti yang dinyatakan dalam slogan “Bahasa Jiwa Bangsa”

Penghargaan

Terlebih dahulu saya ingin merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas limpah dan kurnia-Nya dapat jua saya menyelesaikan penulisan ilmiah ini dengan jayanya. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat penyelia yang saya hormati iaitu Prof. Dr. Zamri Bin Mahamod yang telah memberikan banyak ilmu, tunjuk ajar, bimbingan, pandangan dan nasihat yang tiada hentinya sepanjang proses saya menghasilkan penulisan ilmiah ini, agar saya dapat menghasilkan sebuah penulisan ilmiah yang baik buat tatapan pembaca. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan buat ibu dan bapa yang saya cinta dan kasih iaitu Puan Aisyah Binti Aminuddin dan Encik Yaslir Bin Zailer. Juga kepada kakak dan abang saya iaitu Syarifah Anum Binti Yaslir dan Budi bin Yaslir. Tidak lupa juga buat Ahmad Amirul Zuhdi Bin Razali yang sentiasa memberikan sokongan, keprihatinan, motivasi, semangat dan kata-kata nasihat yang tidak berbelah bahagi sepanjang proses penulisan ilmiah ini dijalankan sehingga tuntas. Sekalung penghargaan buat rakan seperjuangan yang telah banyak membantu saya dari segi tunjuk ajar dan motivasi yang diberikan dari awal proses penulisan ilmiah ini dihasilkan sehingga akhir. Akhir sekali, terima kasih buat semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penulisan ilmiah ini sehingga akhir. Tanpa bantuan dan sokongan anda saya mungkin tidak dapat menyelesaikan tugas ini dengan baik dan tepat pada waktunya.

Rujukan

- Anne Jeffery Kihob dan Saidatul Nornis Hj Mahali. (2020). Kerancuan Bahasa Dalam Karangan Murid Sekolah Menengah di Daerah Tuaran, Sabah. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 31(2), 97-132
- Atika Hassan, Duli Kamit & Evelyn Bangkang Jawi. (2021). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pertukaran Kod Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 40-56
- Chew, F. P. (2016). Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca Dan Menulis Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif Di Sekolah Jenis Kebangsaan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 1–10.
- E-Wacana, Keratan Akhbar. (2024). Kesenjangan Guna Bahasa Melayu Cabaran Baharu Martabat Bahasa Kebangsaan. Diperoleh dari <https://news.uthm.edu.my/ms/2024/12/kesenjangan-guna-bahasa-melayu-cabarans-baharu-martabat-bahasa-kebangsaan/>
- Hamdan Azmi Abd. Aziz dan Noor Rohana Mansor. (2013). Persepsi Tenaga Akademik di Institusi Pengajian Tinggi Terhadap Kemampuan Bahasa Melayu Berfungsi sebagai Bahasa Pengantar Utama Ilmu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2), 41-48
- Hazwani Adha. (2024, 3 September). “Agak Menyedihkan” – Pakar Bahasa Ulas Isu Rakyat Malaysia Masih Tak Reti Berbahasa Melayu. TRP BM. Bahan diakses pada 9 Jun 2025,

- dari pada <https://www.therakyatpost.com/trpbm/berita/2024/09/03/agak-menyediakan-pakar-bahasa-ulas-isu-rakyat-malaysia-masih-tak-reti-berbahasa-melayu/>
- Low Jie Ying, Wee Xin Hui, Khoo Yu Ting & Nur Farhanis Fathiah Anuaruddin. (2024). Persepsi Guru Terhadap Pengaruh Bahasa Ibunda Semasa Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(1), 1-18
- Mairin Gosman, Mohamad Nizam Nazarudin, Zakiah Noordin, Azmain Saharin & Siti Rozana Saili. (2020). Hubungan Penglibatan Ibu Bapa Dan Peranan Guru Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah. *International Research Journal of Education and Sciences*, 4(1)
- Muhammad Najwan Ansit, Muhammad Asyraf Norli, Nur Hidayah Awang & Nurlisa Kamba. (2024). Tahap Penglibatan Ibu Bapa dan Penguasaan Murid dalam Pembelajaran Bahasa Melayu di Sebuah Sekolah Kebangsaan Pedalaman di Daerah Lahad Datu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(1), 62-75
- Nor Hashimah Jalaluddin, Mohd. Ariff Ahmad, & Norsimah Mat Awal. (2010). Bahasa Kebangsaan Dalam Situasi Komunikasi Harian: Kajian Terhadap Pelajar Remaja. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1), 1-10.
- Nor Ashikin Hedzir, Heritos Muling & Siti Aishah Sembai Aban Abdullah. (2022). Minat dan Persepsi Murid Melayu daripada Keluarga Sosioekonomi Tinggi di Sebuah Sekolah Antarabangsa Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(2), 94-101
- Noor Azmira Mohamed dan Nor Azlili Hassan. (2019). Pengukuran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Perpaduan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(4), 19-28
- Norhazira Abdul Rahim, Sahril Agus & Nor Aijratul Asikin. (2021). Minat dan Sikap Pelajar Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan dalam Pendidikan Jasmani. *Malaysian Online Journal of Education*, 5(2), 77-86
- Noor Zila Md. Yusuf, Nurul Fadilah Mohd. Pauzi, & Suraini Mohd. Ali. (2023). Pengaruh Bahasa Ibunda Dalam Pertuturan Murid-Murid Asli Suku Kaum Temuan Ketika Pembelajaran Bahasa Melayu. *Language for Specific Purposes*, 10(1), 77–93.
- Nurkhairunnisha Amani Mohd Faizal, Nurul Emelda Abdullah Safarizal & Nur Farahkhanna Mohd Rusli. (2022). Penggunaan Bahasa Rancu dalam Medium Twitter oleh Generasi Z. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1), 19-28
- Nur Eliana Muhamad & Nur Farahkhanna Mohd Rusli. (2024). Pengaruh Dialek Kelantan dalam Pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(2), 183-198
- Nur Iqma Natasha. (2023). Kesan Bahasa Campuran Dalam Media Baharu Terhadap Bahasa Kebangsaan. Diperoleh dari https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/kesan-bahasa-campuran-dalam-media-baharu-terhadap-bahasa-kebangsaan/?utm_source=chatgpt.com
- Putu Shinta Noviaty, Eka Ayu Purnama Lestari & Komang Trisnadewi. (2022). Pengaruh Kompetensi Bahasa Inggris Terhadap kinerja Pegawai. *Jurnal Bahasa dan Budaya*, 6(1), 9-17
- Roslizawati Taib dan Venosha Ravana. (2023). Bahasa Melayu dan Penyesuaian Budaya Siswa Antarabangsa di Universiti Swasta. *Development in Language Studies*, 3(2), 15-22